



TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATO' SRI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA

*(TEKS DIBACAKAN OLEH TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR & PEMBANGUNAN),
KEMENTERIAN KERJA RAYA)*

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI
PROJEK-PROJEK DI NEGERI KELANTAN**

PADA 27 JULAI 2023

Assalamualaikum, Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan limpah kurnia dan rakhmat-Nya kita kita diberikan kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama menghadiri Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Bagi Projek-Projek di negeri Kelantan ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pihak urusetia yang telah bertungkus lumus menjayakan majlis pada hari ini. Tidak lupa juga saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kerana telah mengundang saya bagi menyempurnakan majlis pada hari ini. Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua tetamu yang hadir pada hari ini dan juga jutaan tahniah saya ucapkan kepada pihak kontraktor yang bakal memperoleh Surat Setuju Terima (SST) pada hari ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Kementerian Kerja Raya (KKR) sangat komited untuk merancakkan semula sektor pembinaan serta 196 rantaian bekalan (subsektor) di bawahnya setelah negara kita menghadapi serangan rantai Covid-19. Antara strategi yang telah dilaksanakan oleh KKR dalam menjadi menjana dan memperkuuhkan ekonomi negara adalah dengan mempercepatkan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat-syarikat yang terpilih dalam proses Perolehan Kerajaan. KKR mensasarkan sebanyak 270 SST dikeluarkan sehingga akhir tahun ini. Jumlah ini adalah jumlah sasaran bagi projek di seluruh Malaysia.

4. Untuk makluman, Majlis Penyerahan SST pada hari ini akan melibatkan sejumlah **35 projek**_yang terdiri daripada projek bangunan, projek infrastruktur dan juga perkhidmatan. Senarai projek yang terlibat adalah seperti berikut:
 - **Pembinaan Dewan Terbuka Untuk Pejabat Daerah Pertahanan Awam, Gua Musang dengan kos sebanyak RM1.68juta.**
 - **Menaiktaraf Infrastruktur Kampus Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli dengan kos sebanyak RM6.06juta.**
 - **8 Kerja Pemasangan Lampu Jalan Di Kawasan Kemalangan/Berisiko Kemalangan Akibat Jalan Gelap dengan kos keseluruhan berjumlah RM1.3juta.**
 - **25 projek lain melibatkan kerja-kerja penyenggaraan di sekitar jajahan negeri Kelantan.**
5. Secara keseluruhan jumlah kos projek menerusi serahan SST pada hari ini adalah **RM15.98juta** Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada kontraktor – kontraktor yang terpilih. Sesungguhnya menerima SST merupakan satu detik kejayaan bagi seorang kontraktor. Saya ingin tegaskan di sini bahawa kejayaan ini datang dengan tanggungjawab besar untuk digalas. Setiap kontraktor terpilih perlu memperingati tanggungjawab yang bakal diharungi iaitu menjelmakan apa yang disyaratkan oleh Kerajaan di dalam tender kepada bentuk fizikal, memenuhi Syarat Kontrak, dan akan memberikan kepuasan kepada penerima fasiliti ini nanti.
6. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan saya agar para kontraktor yang menerima SST pada hari ini dapat merancang dan melaksanakan kerja-kerja nanti dengan menggunakan sistem pengurusan projek yang cekap dan terperinci agar setiap proses kerja,

penggunaan bahan, tenaga kerja, jentera dan aliran tunai di ambilkira dari awal lagi. Saya yakin kontraktor yang menerima SST pada hari ini adalah dipercayai dari kalangan yang terbaik dan berwibawa sehingga dapat menender dengan harga yang paling kompetitif. Terus kekal pada tekad dan azam untuk memberikan yang terbaik, sesuai dengan kepercayaan yang telah diberikan oleh Kerajaan. Jangan melakukan sesuatu itu sekadar melepaskan batuk di tangga.

7. Setiap kontraktor wajib mematuhi setiap spesifikasi dan syarat yang telah dinyatakan dalam kontrak. Ini termasuk pengurusan keselamatan dan kesihatan di tapak bina, meningkatkan mutu kerja pembinaan, mengurangkan berlakunya kecacatan (defect) serta risiko kemalangan di tapak bina. Saya menjangkakan semua kontraktor terpilih telah sedia maklum mengenai perkara ini. Saya berharap, pada masa akan datang ini sewaktu projek dilaksanakan tidak akan timbul sebarang masalah dalam memastikan kualiti dan audit pembinaan dapat dijalankan dengan menyeluruh serta efisen.
8. Saya juga ingin menyeru kepada semua kontraktor agar mencari inisiatif menggunakan teknologi-teknologi terkini yang terdapat di pasaran yang dapat membantu dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kerja serta mempercepatkan masa agar kita dapat memperkasakan industri pembinaan di negara kita seiring dengan arus pemodenan negara.
9. Isu kelewatan penyerahan projek merupakan isu yang tidak sepatutnya berlaku. Kementerian Kerja Raya sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam perkara ini menganggap ia sebagai suatu perkara yang sangat serius dan merupakan berita yang tidak disenangi

oleh para pelanggan. Perkara ini hanya akan menimbulkan pelbagai tafsiran negatif dan akan menerbitkan pelbagai tomahan yang sebenarnya adalah rintihan daripada rakyat sendiri. Besar harapan saya semua rakan kontraktor yang menerima SST pada hari ini bakal menyiapkan setiap projek pada masa yang ditetapkan.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Mengimbas kepada Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak anggaran RM3.8 bilion bagi membiayai projek di negeri Kelantan merangkumi pelbagai projek infrastruktur. Ini adalah bukti Kerajaan Persekutuan memberi komitmen tinggi kepada mempromosikan keseimbangan di antara wilayah merentangi keseimbangan ekonomi antara bandar dan luar bandar.
11. Infrastruktur jalan raya yang sempurna adalah menjadi tanggungjawab utama KKR dan juga agensinya iaitu JKR. KKR amat mengambil berat akan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara. Kementerian ini ada melaksanakan Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya yang telah diluluskan pada Rolling Plan 2, RMKe-11 dengan siling peruntukan berjumlah RM241.5 juta dan diteruskan pelaksanaannya dalam RMKe-12 dengan empat (4) skop utama iaitu;

- Rawatan di lokasi kerap berlaku kemalangan (*Blackspot*) di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 264 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM76.3 Juta.
 - Pembinaan Jejantas Pejalan Kaki di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 18 buah jejantas telah siap dibina dengan peruntukan RM56.6 Juta dan 6 sedang dalam pembinaan.
 - Pembinaan Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampa Isyarat (LPKSI) di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia, 114 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM27.4 Juta dan;
 - Pemasangan Lampu Jalan Di Kawasan Kemalangan Atau Berisiko Kemalangan Di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 148 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM15 Juta.
12. KKR telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM3.2 Juta pada tahun 2022 di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya Negeri Kelantan bagi kerja rawatan lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspot*) dan pemasangan lampu jalan di kawasan kemalangan atau berisiko kemalangan akibat jalan gelap dalam usaha meningkatkan aspek keselamatan pengguna jalan raya di Jalan Persekutuan. Kawasan kerap kemalangan atau berisiko kemalangan seperti di persimpangan, selekoh dan jambatan serta kawasan yang mempunyai jumlah kemalangan yang tinggi akan dikenal pasti dan pemasangan lampu jalan akan dibuat secara setempat dan berskala kecil bukan bagi tujuan pencahayaan di sepanjang laluan.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

13. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada penerima Surat Setuju Terima (SST) pada hari ini. Jayakan setiap tanggungjawab yang telah diamanahkan ini dengan penuh dedikasi dan saksama. Pembangunan infrastruktur negara adalah nadi penting dalam menjadi ekonomi dan juga kemakmuran bersama.
14. Akhir kata dengan lafaz bismillahiraahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Projek-Projek di Negeri Kelantan.

Wabillahitaufik walhidayah wbt

Sekian, terima kasih.